

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 SEPTEMBER 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Get – Watt Juara EINIX 2014	Harian Metro
2	Pameran Tunku 57@57 papar ikon Bapa Kemerdekaan Negara	Utusan Malaysia
3	Implementing a national standard	The Star
4	Customs D-G: Operating procedures under review	The Star
5	At 57, it's not too late to take a selfie	The Malay Mail

Get-Watt juara EINIX 2014

Jana tenaga elektrik guna air basuhan, mandian

Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my
Petaling Jaya

Sistem hidroelektrik untuk menjana tenaga hijau bagi penjimatan elektrik yang dicipta dua pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meraih tempat utama bagi pertandingan Pameran Ciptaan dan Inovasi Kejuruteraan (EINIX) 2014 anjuran Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM).

Muhammad Syukri Ab Rahman, 22, dan Ahmad Zulfiqah Hamdan, 24, pelajar tahun tiga Kejuruteraan Teknologi Elektrik (Kuasa Industri) membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000, trofi dan sijil penyertaan, selain berpeluang menyertai pameran Persidangan ASEAN Federation of Engineering Organisations (CAFE032) di Yangon, Myanmar pada November ini.

Menurut Muhammad Syukri, alat hidroelektrik itu atau dikenali sebagai



"Anggaran RM20 dapat dijimatkan setiap bulan dengan alat ini"
Muhammad Syukri
Ab Rahman

DR Abu Bakar (tengah) bersama pemenang pertandingan EINIX 2014 di One Utama, Damansara.

Get-Watt direka khas bersesuaian di kediaman iaitu model bersaiz kecil bagi memproses air bagi penjaan tenaga elektrik.

Katanya, Get-Watt mampu menjana tenaga sehingga satu kilowatt (kWh) yang sesuai untuk televisyen, kipas, lampu dan komputer.

"Fungsi utama Get-Watt sama seperti sistem hidroelektrik di empangan.

"Ia direka khas bagi kegunaan di kediaman. Alat ini

akan memproses air basuhan atau mandian untuk mengalirkan tenaga elektrik di dalam rumah.

"Berdasarkan eksperimen, sebanyak RM20 elektrik dapat dijimatkan setiap bulan dengan menggunakan alat ini," katanya, semalam.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Hadir sama, Presiden IEM Datuk Lim Chow Hock.

Muhammad Syukri berkata, Get-Watt yang dicipta sejak 2010 bersama Ketua Penyelidik, Mofid Farriz Basar turut mendapat pengiktirafan dari Emiriah Arab Bersatu di pertandingan inovasi pada November 2013.

"Syukur kerana Get-Watt akhirnya mendapat pengiktirafan MOSTI dan berharap ia bakal diaplikasi pada masa akan datang," katanya.

EINIX 2014 yang bermula Jun lalu menerima 17 penyertaan daripada institusi pengajian tinggi

dan sekolah.

Pertandingan itu juga menyaksikan Politeknik Ungku Omar merangkul tempat kedua dan ketiga dengan membawa pulang wang tunai RM2,000 bagi tempat kedua dan RM1,000 tempat ketiga, selain trofi dan sijil penyertaan.

Bagi kategori sekolah, tempat pertama dimenangi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Damansara Utama, kedua SMK Sultan Abdul Samad dan ketiga, SMK Seafeld.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 08 SEPTEMBER 2014 (ISNIN)



IDRIS Haron (tengah) menerima cenderamata daripada Stephen Menon (kanan) sempena perasmian Pameran 'Tunku 57@57' di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Bandar Hilir, Melaka, kelmarin. - UTUSAN/NURSURAYA ZULKIFLI

Pameran Tunku 57@57 papar ikon Bapa Kemerdekaan Negara

MELAKA 7 Sept.- Pameran 'Tunku 57@57' di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Bandar Hilir yang sedang berlangsung sehingga 30 Oktober depan menampilkan sebanyak 75 hasil karya seni Karyawan Tamu Universiti Malaya (UM), Stephen Menon.

Pameran dengan kerjasama Muzium Seni Asia, UM dan Arkib Negara itu mempamerkan karya mengenai ikon Bapa Kemerdekaan Negara, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bersempena sambutan kemerdekaan tahun ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, pemilihan Melaka sebagai tuan rumah pameran solo Stephen Menon, amat bertepatan kerana negeri ini merupakan tempat pengumuman pengisytiharan ke-

merdekaan pada tahun 1956.

"Di sinilah Tunku Abdul Rahman telah membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan negara pada tanggal 31 Ogos 1957 di Padang Banda Hilir, sekembalinya daripada rundingan London pada 20 Februari 1956.

"Ini merupakan episod sejarah penting buat negara dan pemilihan negeri ini sebagai tempat pertama pameran Tunku 57@57 adalah satu pilihan tepat mengikut urutan sejarah kemerdekaan tanah air.

"Pameran ini juga merupakan salah satu usaha kerajaan negeri bersama Arkib Negara Malaysia dan UM untuk menyemarakkan lagi sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-57 tahun ini," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Pameran Tunku 57@57 di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Azemi Abdul Aziz.

Sementara itu, Stephen Menon berkata, pemilihan Tunku sebagai ikon kemerdekaan yang ditonjolkan dalam karya-karya seni itu berikutan sumbangan dan peranan penting beliau dalam usaha membebaskan tanah air daripada penjajah.

Menurutnya, beliau mengambil masa selama dua tahun setengah bagi menyiapkan kesemua karya seni yang menggunakan teknik 'Screenprint' dan 'routesign'.

"Dalam tempoh berkenaan saya banyak melakukan kajian mengenai perjuangan Tunku serta sifat beliau selain menghayati semua kenyataannya yang memberi cetusan idea dan kreativiti dalam lukisan saya," katanya.

Implementing a national standard

THE oil palm industry is regulated by several standards, among them those set by the Roundtable for Sustainable Palm Oil (RSPO), the International Sustainability & Carbon Certification body, and the Roundtable on Sustainable Biomaterials.

However, the Malaysian Palm Oil Board (MPOB) decided to develop a local standard in addition to the international ones.

While the RSPO standard was co-developed by the oil palm fraternity itself, only the world's major oil palm players were involved; the other two standards were developed for biofuel and renewable energy respectively.

Hence it made sense for the Malaysian palm oil industry to initiate its own national standard, the Malaysian Sustainable Palm Oil certification, or MSPO.

Dr Ainie Kuntom, MPOB senior research fellow for product development and advisory services division, said that this standard is yet another important effort by the local industry to ensure that all oil palm enterprise categories (whatever their size) can be certified for sustainability.

In her presentation, she explained that the MSPO standard was produced by all

Malaysian palm oil stakeholders, and it complies with Malaysian laws as well as international agreements and conventions covering the sustainable requirements that Malaysia has ratified.

There are different principles for independent smallholders (23 criteria, 35 indicators); plantations and organised smallholders (33 criteria and 117 indicators); and mills (26 criteria and 87 indicators).

"All of this was developed through a process that involved public feedback, amendments, submission to (Malaysia's standards agency) Sirim Bhd, and the standard was endorsed by the Science, Technology and Innovation Ministry last September, and finally published by Sirim as MS2530: 2013," Ainie said.

She said that the MSPO does not replace the Roundtable for Sustainable Palm Oil standard, and MSPO certification is voluntary.

"There are 4,000 plantations, 180,000 smallholders and many other downstream activities; it is our hope that the whole industry will voluntarily comply and be proud to implement this national standard," she said.

